

USM, UNIMAP juara bersama SUKUM edisi ke-35

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhvarsiti@bharian.com.my

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) muncul juara bersama Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-35 yang berlangsung di USM, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Keputusan itu dibuat selepas kedua-dua universiti berkongsi 108 mata dan memungut 16 pingat menyaksikan mereka berkongsi kedudukan di tempat pertama.

Naib johan disandang Universiti Malaya yang memungut 54 mata dan ketiga, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 44 mata. Keputusan itu menyaksikan UNIMAP berjaya mempertahankan kejuaraan mereka yang disandang tiga tahun berturut-turut sejak 2008.

USM mempamerkan kemampuan apabila memenangi pingat emas dalam tujuh acara, iaitu bola sepak



KONTINJEN UNIMAP meraikan kemenangan mereka dalam acara olahraga sempena kejohanan SUKUM ke-35 di USM, baru-baru ini.

veteran dan lelaki senior, sepak takraw senior, futsal lelaki veteran, ping pong campuran, olah raga lelaki veteran dan hoki lelaki.

UNIMAP pula unggul dalam acara boling wanita dan lelaki, olah raga wanita dan lelaki senior, tenis campuran, bola tampar lelaki dan futsal wanita.

Kejohanan selama 11 hari

itu membabitkan 20 institusi pengajian tinggi awam serta wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Sebanyak 13 acara dipertandingkan termasuk bola sepak, futsal, sepak takraw, bola jaring, tenis, hoki, bola tampar, boling padang, dart, karom, tarik tali dan boling pada kejohanan berakhir

26 Jun lalu.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr Zulkefli A Hassan di Dewan Tuanku Syed Putra, USM. Hadir sama, Naib Canselor UNIMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin dan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Datuk Sri Dr Syed Arabi Idid.

INFO

KEPUTUSAN PENUH SUKUM KE-35

- 1 USM - 108 mata
- 2 UniMAP- 108 mata
- 3 UM -54 mata
- 4 UUM- 44 mata
- 5 UPM -42 mata
- 6 UTeM- 40 mata
- 7 UITM -38 mata
- 8 UKM -34 mata
- 9 UMT - 33 mata
- 10 UMS -28 mata
- 11 UTHM - 27 mata
- 12 UTM -25 mata
- 13 USIM -21 mata
- 14 UNIMAS - 18 mata
- 15 UIAM - 17 mata
- 16 UMP -15 mata
- 17 KPT -13 mata
- 18 UPNM - 8 mata
- 19 UPSI - 8 mata
- 20 UDM 7 mata
- 21 UMK 6 mata

Universiti Teknikal Malaysia Melaka terpilih menganjur SUKUM edisi ke-36 tahun depan.